

**PRU-13-Kerjasama Melayu-Cina berakhir jika Kit Siang menang-Tun Dr.M
Utusan Online
12 April, 2013**

KUALA LUMPUR 12 April - Kerjasama pelbagai bidang antara masyarakat Melayu dan Cina di negara ini akan berakhir jika Penasihat DAP, Lim Kit Siang memenangi kerusi Parlimen Gelang Patah pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat Kit Siang akan membawa konflik dan permusuhan antara kaum serta mengapi-apikan agar Cina membenci Melayu.

Menurut beliau, hubungan baik di antara kedua-dua kaum tersebut yang selama ini membawa kestabilan dan kemakmuran kepada negara, akan diganti dengan keadaan konfrontasi kaum yang tidak sihat.

Walaupun keadaan itu tidak akan membawa kepada insiden pertempuran ganas di antara kaum dan penganut agama berbeza seperti disaksikan di banyak negara luar, katanya, konfrontasi tersebut akan mengganggu proses pembangunan Malaysia.

"Atas sebab ini, keputusan Kit Siang untuk bertanding di Gelang Patah akan menjadi tumpuan Pilihan Raya Umum Ke-13 di negara ini.

"Adakah DAP bakal mengakhiri persahabatan dan kerjasama Melayu-Cina di Johor atau adakah (konsep) 'kongsi kekal menjadi asas hubungan kaum di Johor dan di Malaysia," katanya melalui entri terbaharu bertajuk *Gelang Patah* di laman blognya www.chedet.cc hari ini. - UTUSAN ONLINE

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130412/px_97/PRU-13-Kerjasama-Melayu-Cina-berakhir-jika-Kit-Siang-menang---Tun-Dr-M#ixzz2a0Nc68vn

© Utusan Melayu (M) Bhd